

NOA Sauda – Minyak Sauda Dara (Virgin Black Seed Oil)



HADITH RASULULLAH

حدثنا محمد بن ربح بن المهاجر أخبرنا الليث عن عقيل عن
ابن شهاب أخبرني أبو سلمة بن عبد الرحمن وسعيد بن المسيب
أن أبا هريرة أخبرهما أنه سمع رسول الله صلى الله عليه وسلم
يقول إن في الحبة السوداء شفاء من كل داء إلا السام والسم
الموت والحبة السوداء الشونيز

Maksud matan hadith:

Sesungguhnya dalam Habbatus Sauda' ini terdapat penawar kepada segala penyakit kecuali al-Sam, dan al-Sam ialah mati, dan Habbatus Sauda' ialah Syuniz.

Ada banyak hadith-hadith yang menyebut tentang Habbatus Sauda' yang terdapat di dalam himpunan kitab-kitab hadith sahih. Hadith yang paling masyhur ialah yang diriwayatkan dalam kitab Sahih al-Bukhari seperti berikut:

عن خالد بن سعد قال خرجنا ومعنا غالب بن أبيجر فمرض في الطريق فقدمنا المدينة وهو مريض فعاده ابن أبي عتيق فقال لنا عليكم بهذه الحبة السوداء فخذوا منها خمسا أو سبعا فاسحقوها ثم اقطروها في أنفه بقطرات زيت في هذا الجانب وفي هذا الجانب فإن عائشة حدثتني أنها سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقول إن هذه الحبة السوداء شفاء من كل داء إلا من السام قلت وما السام قال الموت

Diriwayatkan oleh Khalid bin Sa'ad:

kami dalam perjalanan keluar dan Ghalib bin Abjar menemani kami. Dia telah jatuh sakit dalam perjalanan dan bila kami sampai di madinah dia masih sakit. Ibn Abi 'Atiq datang menziarahi kami dan berkata kepada kami: Tetaplah kamu dengan Habbatus Sauda' ini. Maka ambillah 5 atau 7 biji Habbatus Sauda' dan hancurkannya dan masukkan nya kedalam lubang hidung bahawa 'Aishah telah meriwayatkan kepada saya bahawa dia telah mendengar Rasulullah Rasulullah bersabda: Sesungguhnya HabbatusSauda' ini adalah penawar segala penyakit, kecuali kematian.

Apa maksud 'tetaplah kamu dengan Habbatus Sauda'?

عليكم بهذه الحبة السوداء

1. Mengikut pendapat ahli ilmu dan ahli bahasa Arab, ia bermakna hendaklah melazimkan pengambilan dan penggunaan Habbatus Sauda' berterusan selama yang termampu. Dengan lain perkataan ia hendaklah menjadi sebahagian dari kehidupan harian selagi termampu.
2. Juga tidak dinyatakan dalam hadith ini supaya ambil Habbatus Sauda' hanya apabila sakit, oleh kerana itu orang yang sihat juga boleh berterusan mengambil Habbatus Sauda' untuk menjaga kesihatan dan juga supaya dapat mencegah penyakit yang mungkin akan menyimpannya.
3. Untuk memudahkan pengambilan Habbatus Sauda' ini secara berterusan, ia juga boleh diambil secara bersendirian mentah (bijinya), minyak perahannya, atau dicampur dengan bahan-bahan lain seperti madu atau minyak zaitun atau dalam masakan dan minuman.

Apakah makna 'penawar bagi segala penyakit'?

شفاء من كل داء

4. Ibn al-Qayyim telah menuliskan dalam kitabnya 'al-Tibb al-Nabawi' bahawa makna perkataan 'kulli' (semua/segala) adalah seperti tafsir kepada ayat:

تَدْمِرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا

yang menghancurkan 'segala' sesuatu dengan perintah Tuhannya.

Yakni angin itu memusnahkan segala manusia dan rumah-rumah kediaman tetapi ia tidak memusnahkan gunung-ganang, sungai-sungai, matahari dan bulan. Ini adalah lafaz 'am yang bermaksud khusus. Ini ialah termasuk dalam ilmu 'balaghah' dalam bahasa Arab.

Dari maksud yang sama penawar 'segala' penyakit itu bermakna yang boleh menawar banyak penyakit (dan tidak menghalang dari merawat penyakit dengan lain-lain ubat) kecuali penyakit yang ditakdirkan membawa kematian. Itulah maksud 'illa al-Sam'.

4. Hadith ini juga memberi isyarat kepada umat Islam supaya membuat kajian dan selidikan tentang rahsia penawar Habbatus Sauda'. Maka ini bermakna telah menjadi tanggungjawab kepada saintis-saintis supaya menggali rahsia perubatan Habbatus Sauda' ini dan kemudian mengemukannya kepada dunia supaya dapat menolong manusia dalam usaha mengurangkan penderitaan akibat penyakit.

Kajian hendaklah mengikut tujuan berikut:

- a. mengenalpasti kandungan-kandungan dalam Habbatus Sauda'.
- b. mengenalpasti bahan-bahan aktif yang boleh menyembuhkan penyakit.
- c. mengenalpasti bahan-bahan dan kombinasi bahan-bahan yang menyebabkan penawar, penyembuhan, atau pengurangan.
- d. Mengetahui Dosage/ kadar, RDA (recommended daily allowance) Habbatus Sauda', dan ekstraknya yang boleh menyembuhkan penyakit.
- e. Mencari kaedah dan methodologi yang boleh digunapakai untuk perubatan.

5. As-Sam (mati) Habbatus Sauda' tidak dapat mengubati mati dan setiap kematian itu ada sebabnya. Oleh itu hendaklah difahami bahawa penyakit-penyakit yang ALLAH Ta'ala telah takdirkan untuk membawa sebab kepada kematian tidaklah dapat diubati lagi dengan Habbatus Sauda'. Dari sini kita boleh faham makna 'shifa min kulli da' illa asSam' 'penawar bagi segala penyakit kecuali mati'. Maka inilah adalah kebenaran atas kebenaran.

Namun begitu tidaklah bermakna ikhtiar untuk mengubati penyakit itu perlu dihentikan kerana berusaha untuk berubat itu disuruh. Dan jika Habbatus Sauda' itu tidak memberi kesan terhadap penyakit itu, maka besar kemungkinan ia termasuk salah satu dari

penyakit yang akhirnya menjadi as-Sam, dan as-Sam itu akan datang samada lambat atau cepat (sila lihat Hikmah Sakit Lampiran 2)*

6. Merawat penyakit dengan Habbatus Sauda' tidak bermakna meninggalkan kaedah-kaedah perubatan lain terutama perubatan moden. Malah dalam banyak kes, ia memperkuatkan dan menolong lagi kaedah-kaedah tersebut. Ia adalah lebih kepada 'Complementary and complimentary'

Seagai penawar dipercayai Habbatus Sauda' boleh:

- a. menjadi penyembuh dengan kekuatan sendiri
 - b. menolong menjadi kesan ubat lain lebih kuat dan efektif
 - c. kombinasi dengan herba/ubat lain dapat menyembuhkan penyakit
 - d. menolong mengurangkan kesan sampingan ubat lain terutama ubat moden - atau therapy yang membawa kesan sampingan yang teruk seperti chemotherapy / radiotherapy.
 - e. mengurangkan penderitaan akibat penyakit
 - f. mempercepatkan penyembuhan dari kecederaan atau pembedahan.
 - g. menolong mencegah penyakit dari menjadi lebih teruk
6. Jika tiada apa-apa sebab sekalipun untuk mengambil Habbatus Sauda' samada dari segi kesihatan dan masalah-masalah pun begitu digalakkan juga untuk mengambil Habbatus Sauda' ini secara berterusan semata-mata kerana berkat hadith dan suruhan dari yang disayangi Rasulullah SAW .

APAKAH HABBATUS SAUDA'

TUMBUHAN KECIL YANG SANGAT BESAR MENFAATNYA

Habbatus Sauda' ataupun nama saintifiknya *Nigella Sativa*, adalah sejenis tumbuhan rerumput kecil yang berbunga secara tahunan. Ia bukanlah satu tumbuhan yang besar yang memerlukan penjagaan yang extensive. Hanya saja Habbatus Sauda' tidak tumbuh dalam iklim tropika seperti di Malaysia. Ini bermakna Habbatus Sauda' terpaksa diimpot untuk pasaran tempatan. Asalnya tumbuh meliar di negara-negara sekitar Mediterranean dan negara-negara Tenggara Asia. Kemudian ia ditanam secara meluas di Afrika Utara terutama Mesir, di selatan Eropah, di Syria dan sedikit di Asia Tengah seperti Iran dan India. Bagi iklim yang sesuai, ia sangat senang di tanam di laman rumah atau di tepi-tepi jalan.

Ia dipanggil dengan berbagai nama, antaranya:

Black Cummin, Black Seed, Caraway, Love-in-the-mist (English), Jintan Hitam (Malaysia dan Indonesia), Habbatul Barakah (Mesir), Schwarzkummel (German), kalonji (Hindi), Kezah (Hebrew), Charnushka (Russian), çörek otu (Turki), dan lain-lain lagi.

Habbatus Sauda' ini walaupun pohonnnya kecil sahaja tapi mempunyai manfaat yang besar kepada manusia. Ia tumbuh dengan ketinggian sekitar 20 hingga 50 sentimeter (separas betis sahaja) dan berdaun halus dengan kedudukan daun bertentangan. Batangnya berwarna hijau, bulat, berbulu dengan ukuran garis lintang sekitar 2 hingga 5 milimeter. Jarak diantara dahan adalah sekitar 2 hingga 5 sentimeter dan bercabang di atas. Nama saintifik: *Nigella Sativa*

Klasifikasi Saintifik	
Kingdom	Plantae
Division	Magnoliophyta
Class	Magnoliopsida
Order	Ranunculales
Family	Ranunculaceae
Genus	<i>Nigella</i>
Species	<i>N. sativa</i>
Binomial name	<i>Nigella sativa</i> L

Habbatus Sauda' dianggap sebagai phytotherapeutic (herba perawatan / perubatan). Walau bagaimana pun buka semua jenis species boleh digunakan untuk perubatan. Terdapat berbagai species Habbatuss Sauda'di berbagai negara, antara yang masyhur ialah seperti berikut:

1. Nigella Arvensis
Biji-bijian nya adalah lebih kecil berbanding dengan species lain dan tidak digunakan untuk tujuan perubatan.
2. Nigella Damascena
Yang tersebar luas dan tidak digunakan bagi tujuan perubatan. Ia digunakan dalam landscaping dan pokok hiasan yang cantik bunganya.
3. Nigella Sativa
Jenis yang digunakan untuk tujuan perubatan. Mempunyai biji yang bersaiz lebih besar dan kadar minyak yang lebih tinggi.

Tidak semua species Habbatus Sauda' mempunyai kesan perubatan yang sama. Ada species yang lebih berkesan dari yang lain. Dr. Peter Schleicher menyatakan bahawa Habbatus Sauda' jenis Kara Siva adalah yang terbaik dari segi kesan penyembuhan dan untuk kesihatan. Ia biasanya ditanam di Syria dan Mesir.

BUNGA CANTIK KEINDAHAN CIPTAAN TUHAN

Habbatus Sauda' berbunga lembut di hujung dahan, selalunya berwarna biru muda/ungu dan putih, yang garislintang sekitar 3 sentimeter, dan jumlah kelopak diantara 5 hingga 10 helai. Bunga Habbatus Sauda' sangat cantik sekali. Tangkai bunga agak panjang dan ia semakin panjang apabila buahnya semakin matang. Berbuah agak besar jenis 'inflated capsule' terdiri dari 3 hingga 7 pangsa yang mengandungi sejumlah biji. Oleh sebab ia adalah tumbuhan tahunan maka ia hanya mengeluarkan hasil setahun sekali iaitu sekitar bulan september atau oktober.

Tumbuh dengan ketinggian sekitar 20 hingga 50 sentimeter dan berdaun halus dengan kedudukan daun bertentangan. Batangnya berwarna hijau, bulat, berbulu dengan ukuran garis lintang sekitar 2 hingga 5 milimeter, sementara jarak diantara dahan adalah sekitar 2 hingga 5 sentimeter. Dahan bercabang di atas. Berbunga lembut di hujung dahan, selalunya berwarna biru muda dan putih, berukuran garis lintang sekitar 3 sentimeter, jumlah kelopak diantara 5 hingga 10 helai. Tangkai bunga agak panjang dan ia semakin panjang apabila buahnya semakin matang.

BIJI HABBATUS SAUDA' DARI PANGSA BUNGA

Berbuah agak besar jenis 'inflated capsule' terdiri dari 3 hingga 7 pangsa yang mengandungi sejumlah biji. Bijinya berbentuk segi tiga, berwarna hitam, berbau 'pungent' yang agak kuat, mengandungi nisbah minyak yang agak banyak. Bijinya digunakan sebagai rempah dan juga berbagai kegunaan lain dan terakhir paling popular digunakan untuk menghasilkan minyak Habbatus Sauda'. Ia mempunyai rasa 'pungent bitter'

Bijinya berbentuk segi tiga, berwarna hitam, berbau 'pungent' yang agak kuat, mengandung nisbah minyak yang agak banyak.

Nigella Sativa tumbuh di berbagai belahan dunia, termasuk Arab Saudi, Afrika Utara dan sebagian Asia. *Nigella Sativa* merupakan bunga fennel dari keluarga Ranunculaceae. *Nigella Sativa* adalah tumbuhan dua jantina (hermaphrodite) artinya dapat membiakkan dirinya sendiri. Ia didebungakan (pollinated) oleh lebah-lebah. Apabila mula berbunga, ia membentuk sebuah kapsul buah yang mengandung biji. Bila kapsul bunga itu sudah matang, ia akan mengembang dan biji yang ada di dalamnya akan keluar dan berubah menjadi hitam, sehingga disebut Biji Hitam (Black Seed).

HIDUP DI TANAH KERING TAPI KHASIAT NYA TIDAK TERKIRA

Salah satu dari kehebatan Habbatus Sauda' ialah ia tumbuh di kawasan tanah yang kering dan kontang. Ia hanya memerlukan sedikit air untuk tumbuh. Tapi dari tanah yang kering inilah ALLAH Subhanahu wa Ta'ala menumbuhkan tumbuhan Habbatus Sauda' yang sangat besar khasiat dan manfaatnya kepada manusia.

Ia tumbuh dengan baik di tanah yang berpasir (sandy) atau yang sederhana kerasnya (loamy). Habbatus Sauda' juga tidak boleh tumbuh dengan baik di bawah lindungan bayang-bayang ia mesti terdedah kepada matahari sepanjang masa.

SEJARAH HABBATUS SAUDA'

Sejak bila Habbatus Sauda' digunakan sebagai ubat dan penawar tidak dapat diketahui dengan tepat. Ini adalah kerana ia telah sangat lama digunakan semenjak zaman awal permulaan tamaddun lagi. Bukti-bukti arkeologi menunjukkan ia telah mencapai kemasyhuran semenjak tamaddun awal sejarah manusia lagi.

Rujukan bertulis paling awal yang ada ialah dalam kitab Taurat Perjanjian Lama (The Old Testament - Isaiah 28). Di dalam nya ada tertulis mengenai cara-cara penuaian Habbatus Sauda':

*for the black cumin is not threshed with a threshing sledge,
nor is a cart wheel rolled over the cumin,
but the black cumin is beaten out with a stick,
and the cumin with a rod.*

(Isaiah 28:25,27 NKJV New King James Version).

Oleh itu boleh disimpulkan bahawa kaum Bani Israel telah lama mengetahui tentang khasiat dan kegunaan Habbatus Sauda'. Kepentingan Habbatus Sauda' jelas apabila ia telah dijadikan tanaman pertanian pada zaman mereka lagi.

Malah lebih awal dari zaman Bani Israel ialah Tamaddun Mesir dan Yunani Purba yang telah mengetahui kehebatan dan khasiatnya sejak lebih 5,000 tahun lalu.

Pada zaman purba itu, raja-raja Yunani dikubur bersama dengan Habbatus Sauda', kerana ia boleh berfungsi mengawetkan mayat. Raja-raja pada masa itu pasti sangat berhati-hati dalam menggunakan tanaman dan herba yang terbaik sebagai ubat.

KHAZANAH KUBUR FIR'AUN

Pada tahun 1922, satu kegemparan besar telah berlaku di Mesir. Howard Carter seorang ahli arkeologi dan Lord Carnavon, seorang Bangsawan Inggeris telah menemukan kubur Fir'aun muda Tutankhamen. Mereka telah menghabiskan masa lebih dari 3 tahun untuk mencari kubur ini. Kubur ini unik dalam sejarah Egyptology kerana ia satu-satunya kubur yang dijumpai yang belum terusik oleh pencuri-pencuri harta karun. Ia masih dalam keadaan yang elok dan khazanah yang sangat banyak dan bernilai itu belum lagi dicuri.

Semenjak 3000 tahun dahulu, generasi demi generasi pencuri-pencuri harta karun telah membongkar kubur-kubur Fir'aun untuk mendapatkan harta yang sangat banyak seperti emas dan berlian.

Dalam kubur Tutankhamun yang belum terusik ini telah ditemui Habbatus Sauda'. Ini menunjukkan herba ini memiliki peranan sangat penting dalam kehidupan Mesir Kuno.

Ahli Agama zaman Fir'aun mempercayai apabila seorang Fir'aun mati maka ia memulakan perjalanan dalam alam akhirat di mana ia memerlukan bekalan-bekalan harta, peralatan dan ubat yang terbaik sesuai dengan statusnya seorang Raja besar. Malah ada Fir'aun yang disembah sebagai tuhan. Pemilihan Habbatus Sauda' menunjukkan status

herba itu sendiri di zaman Fir'aun. Ahli-ahli Perubatan Fir'aun sudah mengenal khasiat Habbatus Sauda' semenjak 4000 tahun dulu.

Mengikut catatan sejarah mereka menggunakannya untuk mengubati berbagai masalah kesihatan termasuk gangguan dalam sistem pencernaan/penghadaman.

LEBIH BERNILAI DARI EMAS PERMATA, SIMPANAN DI MUZIUM KAHIRAH.

Hari ini jika kita melawat Muzium di Kahirah, kita masih boleh menyaksikan bekas minyak Habbatus Sauda' yang dijumpai dalam kubur Fir'aun muda Tutankhamen. Ini adalah bukti kehebatan Habbatus Sauda' yang boleh bertahan selama 3000 tahun tanpa rosak dan binasa.

Pakar-pakar perubatan moden juga dimasa ini berminat untuk mengkaji kaedah perubatan zaman Fir'aun ini. Mengikut kajian-kajian awal, sistem perubatan mereka mempunyai banyak persamaan dengan sistem perubatan moden. Memang benar, khazanah herba tinggalan yang lebih bernilai dari emas.

PENGASAS PERUBATAN MODEN HIPPOCRATES

Hippocrates, Ahli Perubatan Yunani Kuno, yang dianggap sebagai pengasas perubatan moden masakini. Dia telah menggariskan kaedah dan prinsip yang masih lagi digunakan oleh perubatan moden masakini begitulah sumbangan besar tokoh ini. Hari ini setiap doktor mestilah mengangkat sumpah Hippocrates, sebelum dapat mengamalkan perubatan (medical practice). Hippocrates menyarankan penggunaan Habbatus Sauda' untuk mengembalikan kecergasan, tenaga dan kesegaran serta mengatasi kelelahan tubuh dan mental.

PRESKRIPSI DIOSCORIDES

Dioscorides, seorang ahli perubatan Yunani di abad ke satu sebelum masihi, melaporkan bahwa habbatu Sauda' digunakan untuk mengubati Sakit Kepala, Hidung tersumbat, sakit gigi, dan lain-lain penyakit dalaman. Pada zaman nya juga ia juga digunakan untuk membantu masalah menstruasi/haidh dan meningkatkan produksi Air Susu Ibu.

SARANAN JALINUS (GALEN)

Seorang ahli perubatan Yunani Kuno, Galen (130-201 Masihi - Jalinus) telah menggunakan Habbatus Sauda' dalam perubatannya. Galen adalah juga Tabib Peribadi (personal physician) kepada Maharaja Rome yang terunggul yang memerintah pada zaman kemuncak keagungan Empayar Rome iaitu Maharaja Marcus Aurelius. Marcus Aurelius ialah seorang Maharaja yang bijaksana dan juga seorang ahli falsafah yang pintar dalam aliran stoicism.

Di kalangan masyarakat Arab sistem perubatan Galen atau panggilan Arabnya Jalinus, adalah sangat masyhur sehingga ada yang menganggap Jalinus itu orang Arab.

CLEOPATRA RATU JELITA ZAMAN PURBA

Cleopatra, Ratu Mesir di zaman Mark Anthony yang dikatakan mempunyai wajah yang sangat jelita, merawat kecantikan tubuhnya dengan cara mencampurkan minyak Habbatus Sauda' dalam susu untuk mandi.

Begitu juga dengan Ratu Nefertiti yang diketahui menggunakan Habbatus Sauda' untuk merawat kecantikan. Nefertiti juga terkenal sebagai seorang ratu yang sangat cantik serta anggun. Patung ukiran wajah nefertiti masih lagi wujud tersimpan dalam Muzium Kaherah.

PERUBATAN KENABIAN

Secara ringkas perubatan kenabian ialah kaedah perubatan atau saranan perubatan yang bersumber dari al-Qur'an al-Karim dan al-Hadith al-Sharif. Melalui kedua-dua sumber ini alim ulama dan ahli perubatan Islam sejak zaman salaf dahulu telah memformulasikan satu kaedah perubatan kombinasi iman, amal, ruqyah dan bahan-bahan alam sekitar yang wujud pada zaman Rasulullah .

Satu contoh ialah mengenai madu, yang disebut di dalam al-Qur'an dalam surah al-Nahli mempunyai penawar bagi manusia. Hanya saja yang tidak disebut ialah bagaimana caranya, kaedah penggunaannya, dan jenis-jenis madu itu sendiri yang menjadi penawar atau ubat yang berkesan. Selepas mengetahui mengenai ayat ini, maka menjadi tanggungjawab ahli perubatan Islam untuk mengkaji dan menggali rahsia ini dan seterusnya menyebarkannya di kalangan manusia.

Para alim ulama telah mengumpulkan kaedah perubatan berdasarkan al-Qur'an dan Hadith ini dalam kitab-kitab yang dipanggil al-Tibb al-Nabawiyah. Antara ulama yang menulis mengenai perubatan kenabian ini ialah Imam Jalaluddin al-Suyuti dan 'allamah ibnu al-Qayyim.

Khasiat penawar dalam Habbatus Sauda' telah disebut dalam banyak hadith sahih dan kitab himpunan hadith yang lain. Berdasarkan maksud-maksud hadith yang sahih ini, para alim-ulama telah memasukkan Habbatus Sauda ke dalam senarai Perubatan Kenabian. Ibnul Qayyim dilaporkan telah menyenaraikan 50 penyakit-penyakit yang boleh dirawat dengan Habbatus Sauda'.

Pada zaman Rasulullah S.A.W. para sahabat Nabi didapati telah menggunakannya sebagai ubat berbagai jenis penyakit. Ini sesuai dengan hadith yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari Siti 'Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya HabbatusSauda' ini adalah penawar segala penyakit, kecuali kematian".

Berikut adalah senarai maksud hadith-hadith yang menyebut tentang Habbatus Sauda':

Daripada Buraidah katanya, Rasulullah s.a.w bersabda:

“Pada Habbatus Sauda' terdapat penawar segala penyakit kecuali mati”.

Riwayat Abu Nu'aim dalam kitab Al-Tibb dalam himpunan hadith-hadith sahih no. 1819.

Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Hendaklah kamu menggunakan Habbatus Sauda' karena sesungguhnya padanya terdapat penyembuhan bagi segala penyakit kecuali kematian"

(Hadith Riwayat Abu Salamah dari Abu Hurairah RA)

Hadith Bukhari meriwayatkan dari Aisyah RA bahwa ia pernah mendengar Nabi bersabda: " sungguh dalam Habbatus Sauda' itu terdapat penyembuh segala penyakit, kecuali al-Sam, "saya bertanya apakah al-Sam itu? Baginda menjawab, kematian.

(Sahih Bukhari 5687)

Dalam Hadith Muslim juga disebutkan: "Tidak ada satupun penyakit melainkan dalam Habbatus Sauda' terdapat kesembuhan baginya, kecuali kematian."

(Sahih Muslim 2215)

Perubatan Kenabian mempunyai dalil-dalil samawi dan naqli. Ia bukanlah saranan berdasarkan kajian sains atau empirical studies. Walaupun begitu, telah dapat dibuktikan bahawa kaedah perubatan kenabian ini lebih efektif dan berkesan dari kaedah yang sedia ada dalam setiap zaman. Kemajuan dalam kajian sains juga telah membuktikan kebenaran dan kehebatan perubatan kenabian ini, khusus nya Habbatus Sauda'. Dalam bab-bab seterusnya dalam buku ini, maklumat-maklumat saintifik mengenai bahan-bahan dalam Habbatus Sauda', dan analisis kandungannya akan dibentangkan bagi menyokong kebenaran Hadith mengenai rahsia perubatan Habbatus Sauda'.

KANUN PERUBATAN IBN SINA

Ibnu Sina (980 - 1037), dengan karya terbesarnya Qanun fi Tibb (The Canon of Medicine) yang paling terkenal dalam ilmu perubatan Timur & Barat menyatakan Habbatus Sauda' merangsang tenaga dan membantu memulihkan kepenatan dan semangat. Ibnu Sina bukan sahaja penyambung kaedah Perubatan Yunani yang dipelopori oleh Hippocrates, malah dia telah berjasa dalam memperbaiki lagi kaedah ini. Dalam Kanun Perubatan (The Canon of Medicine) Ibnu Sina (980-1037 Masihi) mengatakan bahawa Habbatus Sauda' adalah bijirin yang sangat merangsang tenaga badan dan sangat membantu dalam keletihan kronik, kehilangan semangat serta memberikan kesan therapeutic pada gangguan pencernaan, penyakit puan, dan sistem pernafasan”.

Dalam sistem perubatan di Greco-Arab/Unani-Tibb, yang berasal dari Hippocrates, Galen dan Ibnu Sina, Habbatus Sauda' merupakan penyembuh yang sangat bernilai dalam mengubati masalah sistem penghadaman dan masalah hati (liver hepatic) yang dianggap

pada masa itu disebabkan oleh ketidakseimbangan humor. Humor adalah 4 unsur yang menjadi asas kepada prinsip perubatan Yunani kuno (4 unsur darah, kahak, cecair hempedu kuning, dan cecair hempedu hitam). Ini ialah prinsip asas perubatan Hippocrates yang dikatakan bapa perubatan moden itu. Walau bagaimana pun prinsip ini telah dibuktikan kesilapan dan kesalahannya oleh sains perubatan moden. Antara prinsip yang masih digunapakai hingga kini ialah kaedah clinical diagnosis (pemeriksaan tanda-tanda dan symptom untuk mencari punca dan sebab penyakit) dan perawatannya.

Ibnu Sina (980-1037), dalam karya terbesarnya “The Canon of Medicine”, yang dianggap banyak orang sebagai buku paling terkenal di dunia perubatan, baik di Timur atau di Barat, menyatakan Habbatus Sauda' bermanfaat “merangsang tenaga dalam badan dan membantu penyembuhan dari kelelahan atau kurang semangat”.

ALBIRUNI PAKAR KETIMURAN (ORIENTALIST) ZAMAN PERTENGAHAN

Al Biruni (973-1048), Seorang Pengkaji Tamaddun Cina dan India, telah menyebutkan bahwa Habbatus Sauda' telah dipakai oleh orang-orang Cina dan India sebagai bahan nutrition/pemakanan sejak abad 10. Al-Biruni menegaskan bahwa Habbatus Sauda' digunakan sebagai bijirin penuh berzat semasa kurun ke sepuluh dan kesebelas.

ULAMA DAN 'ALLAMAH

Ibnu Qayyim, seorang ulama yang masyhur anak murid kepada Ibnu Taimiyyah, dan pengarang al-Tibb al-Nabawi (الطب النبوي) menulis bahwa Habbatus Sauda' dapat membantu memulihkan penyakit seperti batuk, bronchitis, masalah perut, cacing, masalah kulit seperti jerawat, sakit tenggorok dan haid, menambah aliran air liur dan sebagainya. Ibnu Qayyim juga menyenaraikan banyak penyakit-penyakit serta kaedah rawatannya dengan menggunakan Habbatus Sauda'.

Berikut adalah senarai penyakit yang boleh dirawat oleh Habbatus Sauda' menurut Ibn Qayyim:

- Kembang - flatulence
- Demam kahak - phlegmy fever
- menghancur gas/angin dalam perut
- menghancur lembapan (moisture)
- menghancur batu karang ginjal
- mengeluarkan air dalam badan - diuretic
- melancarkan haidh
- menambah susu ibu
- mengeluarkan cacing - helminth
- selsema
- buasir
- Semput
- sakit gigi
- mata berair
- kulit berkudis - skin ulcers
- acute mucus tumor

- stroke muka - facial paralysis
- gigitan labah-labah
- selsema dengan bersin teruk
- kudis kaki
- kusta
- kulit yang jadi hitam - pigmentation
- kelemumur
- gigitan anjing gila - rabid dogs
- hydrophobia
- tetanus
- serangga/nyamuk

KANDUNGAN HOLISTIK BIJIRIN HABBATUS SAUDA'

Bagaimana rahsia sebenar Habbatus Sauda' berperanan dalam penawar dan penyembuhan masih lagi menjadi misteri. Analisa demi analisa ke atas Habbatus Sauda' secara saintifik telah mengenalpasti lebih dari 100 bahan-bahan penyembuh. Hanya 63 telah dijalankan ujikaji dan selebihnya belum lagi dikenalpasti oleh penyelidik.

Oleh itu walaupun penyelidikan telah dijalankan, rahsia kehebatan Habbatus Sauda' masih lagi banyak yang belum dibongkar sepenuhnya. Mungkin di sinilah terletaklah rahsia perubatan Habbatus Sauda', yang mengikut maksud hadith Nabi SAW: penawar bagi segala penyakit.

Setakat ini analisa telah menunjukkan bahawa bahan-bahan tersebut saling seiring, berhubungkait dan menyokong antara satu sama lain dalam proses rawatan untuk penyembuhan masalah kesihatan dan penyakit-penyakit.

Untuk memahami proses saling hubung-kait dan perjalanan penyembuhan yang mungkin terjadi, berikut adalah senarai bahan-bahan kandungan holistic Habbatus Sauda' dan ciri-cirinya yang diketahui oleh kajian sains:

Alanine

- Adalah sejenis asid amino non-essential.
- Antioxidant (bahan yang mencegah/kurangkan kerosakan akibat proses oxidation)
- Cancer preventive (pencegah kanser)

Alpha-spinasterol

- Anti-inflammatory,
- Anaesthetic (bius setempat, kebaskan sakit / numbs pain)
berguna dalam sakit gigi

Arginine

- Ada sejenis asid amino yang non-essential
- Diuretic (Agen yang merangsang pengeluaran air kencing)
- Pituitary stimulant (peransang kelenjar pituitari).
- Bahan ini juga memperbaiki tindak balas badan terhadap bakteria, virus dan sel-sel tumor.
- Ia menolong menyembuh luka, dan mengeluarkan hormon-hormon yang diperlukan untuk tumbesaran bayi.

Ascorbic acid (Vitamin C)

- Adalah asid gula yang bersifat anti-oxidant (bahan yang mencegah/kurangkan kerosakan akibat proses oxidation)
- Anti-arthritis

- Anti bacterial
- Anti cold,
- Anti ulcer,
- Cancer & asthma preventative (pencegah kanser dan asthma/lelah)

Asparagine

- Asid amino non essential
- Anti sickling (penyakit sickle cell),
- Diuretic (agen yang merangsang pengeluaran air kencing)
- Sistem saraf memerlukan asparagine untuk mengekalkanimbangan (equilibrium), dan transformasi asid amino acid. Ia juga memainkan peranan dalam synthesis ammonia.

Beta-Carotene (β -Carotene)

- Bersifat antioxidant, ditukar menjadi Vitamin A:-
- anti kanser,
- Menolong pernafasan, memperbaiki masalah mata.
- Vitamin A adalah salah satu nutrient yang sangat penting bagi badan manusia.

Beta Siterol

- Menurunkan tahap kolesterol yang tidak baik (the bad cholesterol),
- Menolong rembesan,
- Meningkatkan sistem pertahanan badan (immune system), memulihkan tahap gula dalam darah,
- Mengecilkan kelenjar prostate yang bengkak. (BHP benign prostatic hyperplasia)

Calcium

- Anti allergic (alahan)
- Anti atherosclerotic (penyempitan salur darah)
- Anti osteoporotic (mencegah kekurangan densiti galian tulang Bone Mineral Density - BMD)
- Carminative mengeluarkan gas dari perut dan usus. Carvone (Essential Oil)
- Anti septic (bahan yang membunuh mikrob pada luaran/kulit)
- Cancer preventative (mencegah kanser)
- Carminative mengeluarkan gas dari perut dan usus.
- Insectifuge menghalau serangga.

Chromium

- Penting dalam metabolisma gula darah,
- Memainkan peranan yang utama dalam sensitiviti sel-sel kepada insulin.
- Meningkatkan tahap kolesterol dan triglyceride. Memperbaiki toleransi glucose.

Cobalt

- Merangsang produksi sel-sel darah merah dan mencegah anemia (kurang darah).

Copper

- Menolong dalam pembentukan sel-sel darah merah,
- Membantu pembentukan tulang yang baik dan senggaraannya (maintenance).
- Ia juga menolong pembentukan elastin dan collagen yang penting untuk penyembuhan luka.

Cystine

- Anti homocystinuric (pengeluaran homocystin dalam air kencing satu penyakit yang disebabkan masalah metabolisma keturunan dirawat dengan Vitamin B6).
- Diperlukan untuk kegunaan Vitamin B6.
- Menolong dalam menyembuhkan melepuh, luka dan menghancurkan lapisan mukus dalam penyakit seperti bronchitis dan cystic fibrosis.
- Cystine menolong dalam pembekalan insulin ke pancreas, yang diperlukan untuk assimilasi gula dan kanji.
- Ia juga boleh menjadi agen detox (detoxification agent - penyahracun) untuk menahan badan dari kerosakan akibat alcohol dan rokok.
- Mencegah kerosakan ke atas hati (liver) dan otak

D-Limonene

- Anti cancer (breast),
- Anti tumour promoter,
- Cancer preventative (mencegah kanser)

Fiber

- Anti diabetic (kencing manis),
- Anti obesity (gemuk berlebihan),
- Anti tumour (barah),
- Anti ulcer (luka, kudis dalam perut),
- Cancer preventative (mencegah kanser),
- Cardio protective (melindungi jantung),
- Laxative (tindakan julap)

Glucose

- Anti varicose (pembengkakan vena urat darah),
- Memory enhancer (menguatkan ingatan)

Glutamic A (non-essential amino acid)

- Anti epileptic (sawan),
- Anti retardation (terencat akal/jasad)
- Juga penting untuk metabolisme gula dan lemak.
- Ia juga boleh menjadi rawatan untuk masalah neurological, ulcer, hypoglycemic come, muscular dystrophy, epilepsy, Parkinson's, and cacat akal (mental retardation).

Glycine

- Anti acid,
- Anti ulcer (mencegah luka dalam perut),
- Ancyer preventative (mencegah kanser),
- Anti gastric.
- Ia penting untuk membina protein dan sintesis asid nucleic, RNA dan DNA, asid hempedu, dan asid-asid amino yang lain dalam badan.
- Ia juga menghantikan kemerosotan otot, penting untuk kesihatan prostate.
- Dapat menolong mencegah sawan.

Hederagenin

- Anti allergenic(bahan alahan),
- Anti capillary fragility (kelemahan urat darah yang kecil),
- Anti fibrolytic
- anti inflammatory (radang),
- Fungicide (membunuh fungus -kulat)

Iodine

- Mengatur produksi tenaga dalam badan,
- Menolong membakar lebih lemak dengan merangsang kadar metabolisme,
- Menstabilkan berat badan,
- Mengawal tahap kolesterol.
- Ia juga memperbaiki kesihatan mental (mentality), pertumbuhan, tulang, keadaan rambut, kulit dan gigi.

Iron

- Anti anemic (kurang darah - anemia),
- Anti menorrhagic (haidh yang banyak dan lama keluarnya -)
- Ia juga diperlukan untuk mengoksigenkan sel darah merah, kesihatan sistem pertahanan badan dan penghasilan tenaga

Isoleucine (Essential amino acid)

- Anti encephalopathic (penyakit otak).
- Diperlukan untuk pembentukan hemoglobin darah,
- Pengekalan tahap gula dalam darah
- Pembekuan darah (gula)

Leucine (Essential amino acid)

- Anti encephalopathic,
- Mengekal tahap gula dalam darah,
- Pertumbuhan tisu otot,
- Hormon pertumbuhan,
- Penyembuh luka dan tenaga.

Linoleic acid (Asid Lemak)

- Anti anaphylactic (hypersensitivity terlalu peka kepada bahan luaran -allergen)
- Anti arteriosclerosis,
- Anti arthritis,
- Anti eczema, (eczema ialah kesan radang (inflammation) kulit yang menyebabkan merah, gatal, berkudis, berkeruping dan bersisik)
- Anti histamine (bahan yang bertindakbalas terhadap kesan fisiologi histamine hasil dari alahan)
- Anti inflammatory,
- Anti menorrhagic, (haidh haidh yang banyak dan lama keluarnya -)
- Cancer preventive (mencegah kanser).
- Asid Linoleic (LA) dan Asid Alpha-Linolenic tidak boleh dihasilkan oleh badan manusia. Oleh itu ia adalah sangat penting didapati dari sumber pemakanan.

Lysine

- Anti alkalotic (pH badan)
- Ia diperlukan untuk pembentukan dan pertumbuhan tulang kanak-kanak , menolong menyerap kalsium.
- Ia juga menolong penghasilan antibodi, hormon, enzyme, collagen dan membaiki tissue.
- Ia juga menolong pesakit yang sedang sembuh dari kecederaan dan pembedahan.

Magnesium

- Mengatur aktiviti neuromuscular (saraf dan otot) jantung, menukarkan gula darah kepada tenaga.
- Ia menolong dalam pembentukan tulang dan gigi dan penyerapan calcium dan potassium.

Methionine

- Anti catarrh (tersumbat hidung akibat selsema bengkak membran mucous),
- Anti eczema (eczema ialah kesan radang (inflammation) kulit yang menyebabkan kemerahan, gatal, berkulis, berkeruping atau bersisik),
- Cancer preventative (mencegah kanser),
- Anti oxidant (bahan yang mencegah/kurangkan kerosakan akibat proses oxidation)
- Menghancurkan lemak, mencegah pengumpulan lemak dalam urat darah.

Myristic acid (Asid Lemak)

- Cancer preventative (mencegah kanser),
- Lubricant (pelincir dalam sistem penghadaman)

Nigellone (lihat bab 5)

- Anti asthmatic,
- Anti bronchitic,
- Anti histaminic,
- Anti spasmodic

Oleic acid (Asid lemak)

- Anti inflammatory,
- Cancer preventative (mencegah kanser)

Palmitic acid (hexadecanoic acid - Asid Lemak)

- Anti fibrinolytic

Phenylalanine

- Anti ADD (Attention Defisit Disorder masalah kurang `tumpuan biasanya kanak-kanak)
- Anti parkinsonian,
- Anti depressant (kemurungan)
- Ia juga menolong dalam ingatan dan pembelajaran.

Phytosterols

- Menghentikan pengambilan kolesterol dan memudahkan pengeluarannya dari dalam badan.
- Menahan pembentukan tumor (barah) dalam colon (usus besar), payudara dan kelenjar prostat.
- Mengurangkan inflamasi (radang)

Potassium

- Anti depressant,
- Anti fatigue (kelesuan),
- Anti hypertensive (mengurangkan tekana darah tinggi),
- Anti spasmodic (kejangan).
- Menggalakkan rambut dan kulit yang sihat.

Saponin

- Laxative
- Anti parasite
- Anti mucous
- Appetite stimulant (peransang selera),
- Merendahkan tahap gula dalam darah,
- Anti depressant,
- Anti inflammatory dan
- Anti toxic.

Selenium

- Adalah nutrien (bahan pemakanan) antioxidant yang utama.
- Mengurangkan risiko kanser payudara, usus besar, paru-paru dan kelenjar prostat.
- Ia menolong mengekalkan keanjalan tisu badan (tissues elasticity).
- Menolong dalam perawatan dan pencegahan kelemumur (dandruff).
- Ia juga sebagai anti penuaan (anti-aging).

Serine

- Cancer preventative (mencegah kanser)
- Serine diperlukan untuk metabolisma lemak, pertumbuhan tisu dan sistem pertahanan badan kerana ia menolong dalam penghasilan immunoglobulin dan antibodi.
- Ia juga It is a bahan dalam protein otak dan selaput saraf.
- Ia digunakan dalam kosmetik sebagai pelembap kulit.

Sodium

- Sodium adalah salah satu electrolyte di dalam badan
- Diperlukan untuk menghasilkan acid hydrochloric dalam perut untuk mempertahankan badan dari jangkitan yang mungkin ada dalam makanan.

Stigmasterol

- Anti hepatotoxic (keracunan kepada hati - liver),

- Anti inflammatory,
- Anti viral,
- Cancer preventative (mencegah kanser),
- Stimulant -Menambah aktiviti functional otak.
- Bertindak sebagai perangsang gastrik (gastric stimulant).

Tannin

- Anti tumor,
- Anti bacterial,
- Anti cancer (mencegah kanser)
- Anti carcinogenic (bahan yang menyebabkan kanser)
- Anti diarrhoic (cirit birit)
- Anti dysenteric (sakit dalam perut- dan usus perut)
- anti oxidant, (bahan yang mencegah/kurangkan kerosakan akibat proses oxidation)
- Anti ulcer,
- Anti viral

Threonine

- Anti bacterial,
- Anti streptococci.
- Ia adalah essential amino acid dan tidak boleh dihasilkan oleh badan manusia. Oleh itu mesti diambil dari sumber pemakanan. Ia diperlukan untuk mengekalkanimbangan protein dalam badan.
- Ia juga menolong dalam pembentukan collagen dan elastin dalam kulit.
- Ia juga menolong dalam menghasilkan antibodi dan mengalakkan aktiviti dan pertumbuhan thymus.
- Zat-zat pemakanan lain dapat lebih diserap jika threonine ada dalam badan.
- Ia juga digunakan sebahagian dari rawatan kesihatan mental.

Thymoquinone (lihat bab 5)

- Anti arthritic
- Anti asthmatic
- Anti bacterial,
- Anti histamine
- Anti oxidant (bahan yang mencegah/kurangkan kerosakan akibat proses oxidation)
- Mengeluarkan cacing dan parasit dari dalam usus.

Tryptophan

- Analgestic,
- Anti anxiety (keresahan),

- Anti dementia (nyanyuk),
- Anti hypertensive (tekanan darah tinggi),
- Anti parkinsonian,
- Anti migraine (sakit kepala),
- Anti insomniac (tidak boleh tidur),
- Anti manic (tekanan jiwa),
- Menstabilkan emosi,
- Mengawal kesakitan dan peristalsis usus,
- Menolong otak kanak-kanak dalam pembelajaran.

Tyrosine

- Anti parkinsonian
- cancer preventative (mencegah kanser)
- Menolong mengurangkan lemak badan, fungsi thyroid, kelenjar pituitary dan adrenal.
- Ia digunakan untuk mengurangkan stress dan menjadi lebih sedar (alert)
- Menolong otak kanak-kanak dalam pembelajaran.

Vitamin A (lihat β -carotene)

- Diperlukan untuk pertumbuhan dan pembaikan tisu badan. Menolong mengekalkan (beta carotene) kulit licin, lembut dan bebas dari penyakit.
- Mengurangkan risiko kanser paru-paru.
- Ia juga diperlukan untuk penglihatan malam, dan kulit sihat.
- Ia juga membantu deria rasa (selera makan), sistem penghadaman.
- Ia juga penting dalam pembentukan tulang, gigi, dan sintesis protein dan glycogen.

Vitamin B1 (thiamine)

- Membantu menghadamkan dan metabolisma carbohydrate.
- Sangat penting untuk fungsi normal sistem saraf, otot dan jantung.
- Menggalakkan pertumbuhan dan tone otot yang baik, dan menstabilkan selera.

Vitamin B2 (Riboflavin)

- Memetabolisasikan carbohydrate, lemak dan protein.
- Membantu dalam penghasilan (Riboflavin) anti bodi dan sel darah merah.
- Menggalakkan kesihatan am yang diperlukan
- Mengekalkan penglihatan yang baik, kulit, kuku dan rambut yang sihat.

Zinc

- Anti oxidant
- perlu untuk synthesis protein dan penyembuhan luka
- Mengekalkanimbangan akali badan.

- Baik untuk sistem pertahanan badan disamping melawan masalah kulit seperti jerawat, bisul dan sakit tekak.
- Ia juga diperlukan oleh tisu, kuku dan kulit sihat.

Senarai di atas ini hanyalah sebahagian dari bahan-bahan dalam Habbatus Sauda'. Banyak lagi senarai ciri-ciri bahan yang tidak dibentangkan, seperti kandungan dalam minyak volatile Habbatus Sauda'. Bagaimanapun senarai di atas sudah cukup untuk memberi bayangan kepada mengenai kehebatan kandungan Habbatus Sauda'.

PANDUAN UMUM PENGAMBILAN HABBATUS SAUDA'

Adakah ia selamat di makan ?

Ia tidak mengandungi sebarang bahan pengawet, perasa tiruan, pewarna tiruan dan campuran bahan kimia, malah ia mengandungi unsur-unsur atau zat-zat yang memang di perlukan oleh tubuh badan manusia. Ianya selamat untuk dimakan dalam dosage yang betul.

Adakah orang yang sedang berpenyakit boleh mengambilnya ?

Ia bukan sejenis ubat yang dihasilkan secara kimia. Ia adalah makanan semulajadi yang mengandungi banyak khasiat, yang dapat membantu proses pemulihan sistem tubuh badan manusia. Ianya boleh diandaikan seperti pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak mendatangkan mudarat kepada badan manusia.

Apakah krisis pemulihan ?

Ianya merupakan satu tanda bahawa mekanisme dalam badan telah berfungsi. Apabila badan telah mempunyai tenaga yang cukup, sel badan akan cuba membuang toksik dan memulih, akibatnya tanda-tanda seperti cirit- birit, demam dan sebagainya muncul.

Apakah tindakbalas yang biasa berlaku kepada pengamal yang sihat ?

Tindak balas adalah berlainan mengikut tahap kesihatan badan individu, jika pengamal itu benar-benar sihat, maka dia mungkin tidak mengalami sebarang simptom ataupun simptom yang kecil sahaja.

Mengapa pengamal berasa lapar selepas memakan Habbatus Sauda' ?

Enzim dalam Habbatus Sauda' membantu dalam proses pencernaan, maka perut akan lebih cepat "kosong". Bila perut kosong kita akan berasa lapar, hakikatnya nutrient yang diperlukan oleh badan sudah cukup. Tetapi kerana perasaan lapar, kita makan lagi makanan yang berlebihan, akibatnya berat badan akan naik.

Mengapa kita berasa letih selepas memakan Habbatus Sauda' ?

Badan kita sebenarnya mempunyai pH alkali (pH 7.3), tetapi kerana kita telah makan makanan yang berasid dengan berlebihan seperti nasi, daging dan sebagainya, maka badan kita akan mempunyai nilai pH berasid. Habbatus Sauda' ialah makanan alkali. Oleh itu selepas memakan produk ini badan kita akan cuba menstabilkan nilai pH dalam badan, akibatnya kita mungkin berasa letih.

Mengapa ada pengamal yang sembelit selepas memakan Habbatus Sauda' ?

Ini kemungkinan disebabkan oleh sistem penghadaman yang tidak berkesan mengakibatkan sisa tertinggal dalam usus. Selepas mengambil produk ini, badan kita cuba membuang sisa dalam usus dan kemungkinan mengakibatkan sembelit bagi jangka masa pendek.

Mengapa paras glukosa darah meningkat selepas mengambil produk ini ?

Habbatus Sauda' mempunyai mineral yang dapat membantu insulin berfungsi dengan lebih berkesan dan merendahkan paras glukosa dalam darah. Akan tetapi, seperti juga mekanisma badan yang lain, kawalan paras glukosa dalam darah berkait dengan diet dan hormone. Oleh itu pada peringkat awal pengambilan produk, badan akan membuat pemulihan yang akan menyebabkan simtom paras glukosa naik untuk jangka masa singkat.

Kenapa ada pengamal mengalami sakit di sendi dan asid urik yang lebih tinggi dalam darah selepas pengambilan HabbatusSauda' ?

Sakit sendi adalah disebabkan oleh asid urik yang terkumpul di bahagian sendi. Selepas memakan Habbatus Sauda' sistem pertahanan badan akan meningkat, sel darah putih dalam badan akan cuba membuang asid urik dari sendi yang terkumpul dalam sendi dan mengakibatkan perasaan sakit. Asid urik dari sendi akan dihantar melalui darah ke ginjal untuk dikumuhkan, maka paras asid urik dalam darah akan meningkat buat sementara waktu.

Bolehkah Habbatus Sauda' diambil bersama ubat ?

Boleh, tetapi pastikan Habbatus Sauda' diambil terlebih dahulu (sebelum makan) dan sekurang-kurangnya 3 jam kemudian (selepas makan) baru ambil ubat. Elakkan dari makan serentak (pada masa yang sama) kerana ia mungkin menjejaskan khasiat yang terkandung secara semulajadi pada Habbatus Sauda'.

PENGGUNAAN HABBATUS SAUDA' OLEH MASYARAKAT MELAYU

Di dalam masyarakat Melayu, Habbatus Sauda' atau panggilan nya Jintan Hitam digunakan sebagai ubatan tradisional yang mujarab bagi barbagai penyakit seperti lelah, batuk, demam, batu karang, sakit gigi, sakit mata, jerawat, panau, kurap, bisul dan angin.

Herba Habbatus Sauda' ini dikenali oleh masyarakat melayu semanjak kedatangan Islam ke Nusantara. Orang tua-tua zaman dahulu ada yang mengambil Habbatus Sauda' ini dengan dicampurkan dengan sirih, makanan kegemaran yang sangat popular ketika itu.

Di samping itu, Habbatus Sauda' juga boleh digunakan untuk menambahkan susu ibu, meningkatkan ghairah seks, melancarkan darah haid, melawaskan air kencing, membersihkan perut, menyembuhkan sengatan serangga berbisa seperti lebah dan lipan, lumpuh dan sebagainya.

Bagi merawat sakit panau, bisul, kurap dan jerawat, Habbatus Sauda' hendaklah digiling dan dicampurkan dengan sedikit cuka. Kemudian disapukan kepada kulit yang mengalami masalah tersebut.

Bagi merawat penyakit batu karang, melawaskan air kencing, melancarkan darah haid dan menambahkan susu ibu pula, Habbatus Sauda' dihancurkan dan dicampurkan dengan madu. Kemudian ia diminum dengan air panas. Ini hendaklah dilakukan berterusan selama beberapa hari.

KAEDAH PENGAMBILAN HABBATUS SAUDA'

MENGUATKAN SISTEM PERTAHANAN BADAN IMMUNE SYSTEM

Menguatkan Sistem Pertahanan badan (Immune System) pada diri manusia.

1. Makan beberapa titis minyak atau 5-7 biji Habbatus Sauda' untuk dimakan setiap pagi sebelum sarapan. Amalkan secara berterusan.
2. Jika mempunyai masalah yang lebih berat, maka disyorkan mengambil satu sudu teh (5ml) sebelum sarapan pagi.
3. Selain dari itu sebagai alternatif Habbatus Sauda' boleh di ambil sebagai kapsul atau kapsul minyak Habbatus Sauda'. Dosage adalah mengikut saranan pengeluar.

Salah satu penemuan awal dalam kajian ke atas Habbatus Sauda ialah keupayaannya meningkatkan sistem pertahanan badan.

“ Habbatus Sauda' memiliki peranan yang penting pada pencegahan tumor & kanser. Pada penggunaannya dalam waktu yang lama minyak Habbatus Sauda' memperkuat sistem pertahanan badan. Selain itu dapat mempercepat pembelahan sel ”.Dr. Stanley Kopok, University of Arizona, USA

Kesan pengambilan Habbatus Sauda' dengan nilai pemakanan dan nilai perubatannya, bukan sahaja ia membantu memulihkan keadaan semasa tetapi ia juga membantu tubuh membina daya ketahanan terhadap kemungkinan serangan penyakit.

KANSER

Melawan & menghancurkan sel-sel kanser/tumor.

Makan beberapa titis minyak atau biji Habbatus Sauda' untuk dimakan setiap pagi sebelum sarapan.

Rawatan untuk Kanser:

Campurkan 1 kg minyak Habbatus Sauda' dengan 1 kg madu asli kemudian panaskan selama 15 minit, selepas itu campurkan ½ cawan jus lemon dan biarkan ia sejuk. Ambil 2 sudu teh campuran ini setiap pagi selama 3 minggu atau lebih.

Semasa rawatan Radiotherapi/chemotherapi

Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' setiap hari.

Mencegah Kanser

1. Amalkan beberapa titis minyak atau 5-7 biji HabbatusSauda' untuk dimakan setiap pagi sebelum sarapan.
Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' sebelum sarapan.
2. 2 sudu teh minyak Habbatus Sauda'
2 sudu teh biji Habbatus Sauda' yang ditumbuk halus
1 sudu teh royal jelly

Panaskan sedikit minyak Habbatus Sauda dalam kualiti, campurkan dengan biji yang telah ditumbuk halus, kemudian gaulkan dengan royal jelly dan angkat. Simpan ditempat yang sejuk.

Ambil satu sudu teh campuran ini sebelum makan 3 kali sehari. Amal selama 6 minggu kemudian selepas itu kurangkan dos nya kepada 2 kali sehari.

Keupayaan Habbatus Sauda untuk melawan, mencegah dan merawat kanser telah dibuktikan dalam kajian saintifik. Untuk contoh-contoh kajian yang telah dijalankan, sila lihat mukasurat 109-111.

Di bawah ini adalah contoh kajian in vitro yang dibuat mengenai kanser payudara dan Habbatus Sauda':

1. Farah, I.O., Begum, R.A. Effect of *Nigella sativa* (*N. sativa* L.) and oxidative stress on the survival pattern of MCF-7 breast cancer cells. *Biomed Sci Instrum.* 2003;39:359-64.;
2. Farah, I.O., Assessment of Cellular Responses to Oxidative Stress using MCF-7 Breast Cancer Cells, Black Seed (*N. Sativa* L.) Extracts and H₂O₂. *Int. J. Environ. Res. Public Health* 2005, 2(3), 411-419

Pengkaji tersebut ialah Dr. Ibrahim O. Farah dari Department of Biology, Jackson State University, Jackson, MS 39217, USA

Berikut adalah rumusan pengkaji tersebut:

In conclusion, *N. Sativa* alone or in combination with oxidative stress was found to be effective (in vitro) in influencing the survival of MCF-7 breast cancer cells, unveiling promising opportunities in the field of cancer chemoprevention and/or treatment.

-“ Sebagai rumusan, Habbatus Sauda (*Nigella sativa*) sendiri atau kombinasi dengan oxidative stress Didapati berkesan... untuk mempengaruhi survival sel-sel kanser payudara.... Menyingkap satu peluang yang memberi harapan dalam bidang mencegah kanser... dan / atau rawatan.”

Dalam kajian tersebut ekstrak Habbatus Sauda' (menggunakan teknik ekstrak alcohol) telah dikenalpasti sebagai sangat berkesan membunuh sel-sel kanser payudara. Akhir sekali pengkaji tersebut telah mengesyorkan supaya kajian lebih mendalam dibuat dalam usaha membongkar rahsia bagaimana Habbatus Sauda berfungsi sebagai anti-kanser.

ALAHAN/ALLERGIC

Merawat rheumatism, peradangan/inflammation serta jangkitan/infection.
Makan beberapa titis minyak atau 5-7 biji HabbatusSauda' untuk dimakan setiap pagi sebelum sarapan.

Menghentikan dan menyembuhkan selsema.
Makan beberapa titis minyak atau 5-7 biji HabbatusSauda' untuk dimakan setiap pagi sebelum sarapan.

Alahan atau Allergy ialah tindak balas badan kepada bahan-bahan allergen. Biasanya tindak balas ini adalah tidak berbahaya kerana ia adalah salah satu dari mekanisma sistem pertahanan badan. Bagaimana pun dalam keadaan tertentu tindak balas itu menjadi berlebihan disebabkan oleh allergen tertentu.

Tindak balas yang berlebihan ini menyebabkan ketidakselesaan seperti serangan bersin, mata berair pada hari panas, ruam merah yang gatal pada kulit, sesak nafas selepas mengusap haiwan kesayangan, atau bibir dan lidah yang bengkak serta muntah-muntah selepas memakan kacang tanah. Secara ringkas, alahan adalah tindak balas mekanisma pertahanan badan terhadap bahan-bahan yang biasanya tidak berbahaya.

Alahan yang paling kerap berlaku ialah :

- i. Allergic Rhinitis alergi dan gatal mata (allergic conjunctivitis)
- ii. Bronchiol Asthma
- iii. Ruam kulit yang gatal
- iv. Alahan makanan
- v. Alahan terhadap sengatan tebu dan lebah.
- vi. Resdung / sinusitis

MASALAH PERUT / SISTEM PENGHADAMAN

Kembung Perut

Jika digoreng & dibakar kemudian dicium terus-menerus dapat mengeluarkan gas (dalam) perut.

Bayi Kembung/sakit perut/Colic (babies)

Suamkan minyak Habbatus Sauda' dengan tangan, sapukan kawasan perut yang kembung dengan putaran berlawanan arah jam.

Mengelak perut kembung pada bayi yang baru lahir

Biji Habbatus Sauda' dibungkus dengan kain dan diikat. Bungkus ini dituam di atas api pelita (dipanaskan) dan tuam pada bahagian perut, betis, tapak kaki dan juga buah zakar (bayi lelaki) dilakukan selama 40 hari setiap kali selepas mandi.

Ada juga yang menumbuk halus Habbatus Sauda', dijadikan bungkus kecil dan dijahit rapi. Bungkus ini diletak di atas perut bayi sebelum perutnya dibarut. Kaedah ini juga boleh mengecut pusat bayi agar ia tidak membonjol.

Perut kembung pada kanak-kanak dan orang dewasa
Habbatus Sauda' ditumbuk halus dan dicampurkan sedikit pasir sungai. Campuran ini dipanaskan seketika sebelum dibungkus dengan kain. Tuam pada bahagian perut, atau bahagian lain untuk merawat sengal tulang, sakit kepala dan kecederaan di bahagian hidung.

Perut Panas

Jika 2 sudu teh Habbatus Sauda' direbus dengan air 2 gelas lalu ditambah madu akan mendinginkan perut yang panas tahap asid yang tinggi.

Buasir (haemorrhoid)

Minum sesudu teh minyak (5ml) Hababatus Sauda' setiap hari terutama sebelum sarapan. Kemudian sapukan minyak Habbatus Sauda' yang dititiskan dengan limau nipis ke lubang dubur dan kawasan buasir.

Angin, rasa loya, lenguh badan dan sakit kepala

Biji Habbatus Sauda' ditumbuk dan direbus, airnya diminum. Ia juga dapat menurunkan suhu badan ketika demam, menyembuhkan luka-luka termasuk di bahagian usus, merawat batu karang dan kencing manis.

Masalah perut

Minum secawan susu dicampur dengan satu sudu teh (5ml) minyak Habbatus Sauda' sebelum sarapan pagi, selama 5 hari.
Insha 'Allah.

Cirit Birit/Diarhhea

Campurkan satu sudu minyak Habbatus Sauda' dengan secawan yoghurt (susu masam) minum campuran itu 2 kali sehari sehingga 3 hari.

Masalah Perut

Minum teh daun mint dengan limau dan satu sudu teh minyak Sauda' 3 kali sehari sehingga lega.

Ulcer (luka dalam perut)

Campurkan 5-7 titis minyak Habbatus Sauda' ke dalam secawan madu. Makan sesudu campuran ini setiap pagi sebelum sarapan, diikuti dengan segelas susu. Lakukan selama 2 bulan.

CACING DAN PARASIT

Cacing dan parasit

Membunuh cacing-cacing parasit jika dimakan sebelum makan pagi dan jika diletakkan di atas perut dari bahagian luar sebagai aroma spa atau luluran.

GIGITAN / BISA BINATANG

Gigitan Ular

Minyaknya bermanfaat untuk menyembuhkan gigitan ular, lipan dan juga bengkak di dubur dan tahi lalat.

Menghilangkan sesak nafas & sejenis kesulitan nafas, melonggarkan penyumbatan akibat dahak.

Makan beberapa titisminyak atau 5-7 biji HabbatusSauda' untuk dimakan setiap pagi sebelum sarapan.

Menyembuhkan gigitan Labah-labah.

Sapu minyak ditempat yang digiti.

Mengusir serangga

Bila dibakar, asapnya dapat mengusir serangga.

Gigitan anjing gila/Rabies

Bermanfaat untuk menyembuhkan bekas gigitan anjing (Rabies) dan aman dari kematian akibat rabies.

Gigitan serangga berbisa

Sapukan Minyak Habbatus Sauda' kepada kawasan yang melepuh.

Menghalau Nyamuk

Asap bakaran Habbatus Sauda' boleh menghalau nyamuk dan serangga.

MASALAH HAIDH

Masalah sebelum haidh (PMS premenstrual syndrome)

Syndrom ini biasanya berlaku 2 minggu sebelum kedatangan haidh. Symptom nya termasuk merasa tension, murung, sakit kepala, mudah tersinggung, sakit tulang belakang dan cramp diperut. Masalah ini terjadi akibat berbagai faktor seperti ketidakseimbangan hormon, tekanan, dan kekurangan zat pemakanan.

Habbatus Sauda' telah menjadi rawatan utama untuk masalah haidh semenjak beratus tahun dahulu. Kajian sains telah dapat memberi petunjuk tentang bagaimana Habbatus Sauda' merawat masalah haidh. Dengan kombinasi senaman yang cukup, dan pemakanan rendah lemak, Habbatus Sauda' dapat menormalkan serapan asid lemak yang tidak seimbang dalam masalah PMS. Dengan mengawal dan mengatur metabolisma, PMS dapat dicegah.

Minuman Habbatus Sauda' hendaklah diminum 2 kali sehari, bermula dari hari ke 14 dalam kitaran haidh.

Untuk melegakan cramp pada perut, sapukan dan gosok dengan minyak Habbatus Sauda' yang dipanaskan.

Minuman Habbatus Sauda ialah air rebusan dengan biji Habbatus Sauda'.

Symptom Menopause

Meminum teh Habbatus Sauda selama 6 bulan juga dapat melegakan symptom menopause.

Melancarkan haidh yang tersendat.

Makan beberapa titisminyak atau 5-7 biji HabbatusSauda' untuk dimakan setiap pagi sebelum sarapan.

Melawaskan Kencing dan melancarkan haidh

Diminum beberapa titis minyak Habbatus Sauda' atau makan beberapa biji Habbatus Sauda' berterusan.

Senggugut

Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda'. Amalkan berterusan.

BERSALIN DAN SELEPAS BERSALIN

Sakit hendak bersalin

Minyak Habbatus Sauda' campurkan dengan madu dan diminum.
insyaALLAH memudahkan untuk bersalin.

Mengecutkan rahim selepas bersalin (Contraction of uterus)

Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' setiap hari semasa pantang.

Menambah Susu ibu

Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' sepanjang penyusuan hingga sapihan.

Habbatus Sauda' tidak sesuai untuk diambil semasa awal kandungan.

SAKIT GIGI, MULUT DAN GUSI

Sakit gigi adalah sakit yang tak tertahan, akan tetapi ketakutan untuk berjumpa Doktor gigi menghalang seseorang untuk mendapat rawatan yang sewajarnya. Malangnya apabila berlaku sakit gigi bermakna masalah itu sudah sampai ke tahap yang serious. Ini berlaku apabila lubang gigi tersebut telah sampai ke saraf gigi dan gusi. Apabila saraf gigi telah teradang (inflammed) maka sakit gigi itu menjadi berterusan.

1. Campurkan biji Habbatus Sauda' yang dihancurkan dengan minyak zaitun, minyak Habbatus Sauda' dan minyak cengkih untuk menjadi gumpalan (paste) dan tampalkan kepada gigi dengannya.

2. Didihkan 8 oz cuka epal cider dengan 2 sudu teh biji Habbatus Sauda' yang hancur. Tapiskan dan berkumur dengannya untuk beberapa hari.
3. Sapu tempat yang sakit dengan 1-2 titis minyak Habbatus Sauda' yang dicampur dengan minyak cengkih (clove oil)

Sakit Gusi dan Mulut

Sapukan tempat sakit dengan minyak dara Habbatus Sauda'

Berkumur-kumur dengan air rebusan biji Habbatus Sauda akan melindungi mulut dan tekak. Didihkan 2 oz. biji Habbatus Sauda' dalam 6 oz. air selama 10 minit

.LOYA DAN MUNTAH

Nausea (loya) adalah satu rasa yang sangat tidak selesa, pening dan seperti hendak pitam. Ia biasanya diiringi dengan berpeluh, mengeletar, dan rasa hendak keluar isi perut. Otot-otot perut mengembang dan penguncupan beralun yang biasa berlaku untuk menolak makanan ke dalam usus kecil menjadi terbalik di mana makanan itu ditolak balik ke dalam perut. Kemudian perut akan menguncup dan menolak isinya ke arah esophagus menyebabkan muntah (emesis). Walaupun sangat tidak selesa tetapi apabila isi perut telah keluar kebanyakan orang berasa lega selepas itu. Ia membolehkan bahan-bahan toksik dalam perut dikeluarkan.

Bila terasa hendak muntah tiada guna menahannya lebih baik biarkan sahaja bahan-bahan yang tidak elok dalam perut keluar. Bagaimana pun jika muntah-muntah dan nausea itu berterusan kerana mabuk laut / kenderaan, tekanan, pemakanan ubat, atau bau yang kuat maka Habbatus Sauda' adalah penawar semulajadi yang baik.

Halia adalah penawar pilihan pertama yang baik diminum dengan teh atau kapsul. Untuk mengelakkan mabuk laut atau perjalanan, elok diminum 3 atau 4 jam sebelum perjalanan.

Bagi nausea yang disebabkan oleh chemotherapy elakkan mengambil halia. Untuk nausea yang disebabkan oleh mengandung, lebih elok mengambil minyak peppermint atau teh peppermint dan elakkan menagmbil Habbatus Sauda' di awal kandungan.

1. Minum secawan Teh Habbatus Sauda' dicampur dengan daun mint (pudina) dan halia segar yang dicincang halus
2. baring dengan meletakkan kain yang sejuk di dahi untuk mengurangkan nausea. Bernafas dengan tenang dan elak dari bau-bau yang boleh mencetuskan nausea seperti: rokok, pelarut, bahan pencuci atau perfume / pewangi. Seseorang suka mencium minyak Eucalyptus (kayu putih).

3. Jangan makan selama 2 jam selepas muntah tapi minum air masak untuk menggantikan cecair badan yang hilang. Minum air sedikit-sedikit, elakkan minum minuman yang mengandungi caffein.

TEKANAN MENTAL DAN PERASAAN

Melancholia (kesedihan yang memanjang)

Menghilangkan sendawa asam yang berasal dari dahak dan melancholia (gangguan yang disebabkan kesedihan yang terus-menerus / depresi sehingga merosak bagian hempedu). Istiqamah mengambil Habbatus Sauda'

NERVOUS TENSION / STRESS

Minum satu sudu teh (5ml) minyak Habbatus Sauda' dengan secawan kopi atau teh, sebelum sarapan pagi, setiap hari.

Minyak Sauda' boleh dicampur dengan minuman seperti teh atau kopi.

Insomnia (tak boleh tidur)

Satu sudu teh minyak Habbatus dan madu atau dengan teh diminum sebelum makan malam, insyaALLAH dapat tidur dengan lega.

Tidur yang Lena dan merehatkan

Satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' dicampur dengan minuman panas boleh membantu anda tidur dengan lena sepanjang malam. Insha 'Allah. Kanak-kanak bawah 12 tahun ½ sudu. Tidak digalakkan untuk kanak-kanak bawah 5 tahun.

Lesu dan berasa malas/ lethargy

1-2 sudu teh minyak Habbatus Sauda' dicampur dengan jus orange, diminum waktu pagi. insyaALLAH akan merasa aktif sepanjang hari. Amalkan minuman ini juga untuk masalah lethargy.

Darah Gemuruh/lemah semangat/Nervous Tension

½ sudu teh minyak Habbatus Sauda dengan teh herba seperti lemon balm, clary sage, passion flower, dan St. John's Wort.

KECERGASAN MINDA

Tenaga untuk mengulangkaji pelajaran

Minum ½ sudu minyak Habbatus Sauda', atau campurkan dengan minuman panas.

Menguatkan Ingatan/MEMORY IMPROVEMENT

Satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' dicampur dengan 100 mg daun MINT yang direbus.

Selain dari itu biji Habbatus Sauda' yang dihancurkan boleh dicampurkan ke dalam minuman panas. Ia diminum ketika diperlukan.

CALCULUS / BATU KARANG

Batu Karang dalam ginjal

Jika ditumbuk dan dibuat adunan dengan madu dan air hangat dapat menghancurkan batu yang muncul dalam ginjal dan dalam air kencing, serta sifat diuretic (agen yang merangsang pengeluaran air kencing).

Batu karang Pundi hempedu dan buah pinggang/GALL & KIDNEY STONES

Campurkan 250 gm bijirin Habbatus Sauda' yang telah dikisar dengan 250 gm madu. Minum 2 sudu campuran ini yang dicampurkan ke dalam setengah cawan air panas. Minum campuran ini setiap hari dengan satu sudu minyak Habbatus Sauda'.

MASALAH KULIT

Minyak Habbatus Sauda' boleh digunakan secara luaran untuk merawat berbagai jenis masalah kulit seperti jangkitan kuman, eczema, calar-calar dan terseliuh, parasit kulit (scabies, kutu etc.), kulat, neurodermatitis, dan psoriasis. Oleh sebab minyak Habbatus Sauda' boleh meredakan kegatalan dan menghalang jangkitan kuman, maka ia adalah antara penawar yang paling sesuai untuk merawat masalah kulit selain dari ubat-ubat kimia. Untuk merawat masalah kulit minyak Habbatus Sauda' boleh terus disapu kepada bahagian kulit yang menjadi masalah, atau dicampur dengan bahan-bahan lain untuk menambah penyerapan dan keberkesannya. Di antara campuran yang berkesan ialah cuka epal cider (apple cider vinegar).

Untuk Kulit yang sihat.

Campurkan minyak Habbatus Sauda' sama banyak dengan minyak zaitun. Sapu muka dengan campuran ini dan biarkan selama sejam. Kemudian basuh dengan pencuci muka yang lembut dan neutral.

Jerawat/Acne:

Setengah sudu minyak Sauda' dalam semangkuk air panas yang meruap, biarkan wap itu kena muka dengan ditutup tuala ke atas kepala atas mangkuk.

Jangkitan Kulat di kulit / Skin fungus

Jika kamu dapati kulit kamu calar kemerah-merahan (red lesion), gatal dan macam jerawat yang berkerak, maka besar kemungkinan kamu telah dijangkiti oleh kulat. Sangat penting untuk berjumpa dengan doktor kerana diagnosis dan rawatan jangkitan kulat antaranya bergantung kepada jenis kulat tersebut. Jangkitan kulat ini boleh merebak di kawasan yang basah dan panas seperti sauna, spa dan bilik persalinan.

Sapu kawasan yang dijangkiti dengan cuka epal, kemudian gosok dengan minyak Habbatus Sauda', ulang sehingga sembuh.

Cream yang dicampurkan Habbatus Sauda' boleh juga digunakan. Selain dari itu untuk meyokong rawatan luaran, hendaklah minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' 3 kali sehari. InsyaALLAH ruam dan kegatalan akan hilang dalam tempoh seminggu.

Rawatan ruam bernanah

Rebus dua sudu besar biji Habbatus Sauda' bersama beberapa tangkai daun bunga tanjung. Air rebusan diembun satu malam. Keesokannya, keluarkan daun bunga tanjung, tapis dan air rebusan digunakan semasa mandi. Cubalah beberapa kali agar menghilangkan ruam bernanah sama sekali.

Melepuh/melecur

Sapukan Minyak Habbatus Sauda' kepada kawasan yang melepuh. InsyaAllah, kulit tidak akan menggelembong.

Eczema

Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' setiap hari dan sapukan kepada kawasan yang terkena. ezcema ialah kesan radang (inflammation) kulit yang menyebabkan kemerahan, gatal, berkuldis, berkeruping atau bersisik.

Psoriasis

Ia adalah sejenis penyakit yang menyebabkan kulit menjadi merah, tebal dan berkerak atau bersisik. Minum 25 titis Habbatus Sauda' sebanyak 3 kali sehari. Pastikan kawasan yang terkena disapu dengan minyak Habbatus Sauda' sepanjang masa.

MENCANTIKKAN KULIT

Untuk kesihatan kulit

Sapu minyak Habbatus Sauda' yang dicampur dengan minyak zaitun dara (virgin olive oil) kepada kulit. Jika dicampurkan dengan gel aloe vera, boleh menyerap lebih dalam ke dalam kulit.

Krim Muka

1. campurkan beberapa titis Minyak Habbatus Sauda' dara ke dalam krim muka kegemaran anda, atau:

2. 1 $\frac{2}{3}$ cawan minyak Habbatus Sauda' dara.
1 $\frac{2}{3}$ cawan minyak Jojoba.

Panaskan dengan sederhana. campurkan $\frac{1}{3}$ ounce (75gm) lilin lebah yang dipotong halus-halus (grated beeswax)

Panaskan hingga cair mencapai suhu 60°C.

Campurkan bahan-bahan itu sehati dan biarkan sejuk. Simpan dalam balang kaca.

Untuk kulit sensitif campurkan sandalwood, rose dan camellia.

Untuk kulit bermasalah campurkan minyak peppermint dan ekstrak arnica.

Untuk kulit berminyak campurkan camphor, lavender, dan minyak tea tree.

Untuk kulit kering campurkan bergamot, grapefruit dan ylang ylang.

Pencuci Muka / Scrub

Mencuci dan membuang kulit mati seminggu sekali dapat membantu kulit baru yang segar keluar.

Hancurkan satu sudu biji Habbatus Sauda' sehingga halus kemudian campurkan beberapa titis minyak Habbatus Sauda' hingga ia menjadi gumpalan adunan. Sapukan pada muka dengan pusingan bulatan dan biarkan selama 10 minit.

Kemudian basuh muka dengan air suam. Jika kulit berminyak maka boleh basuh dengan sabun yang neutral dan lembut.

Adunan ini juga boleh digunakan untuk merawat kulit dibahagian lutut, siku dan kaki untuk melembut dan memperbaiki kulit di kawasan itu.

Topeng Muka yang Menyegarkan (Soothing Facial Mask)

Campurkan merah telur dengan 1 sudu teh Minyak Habbatus Sauda' dan Minyak Wheat Germ. Kemudian campurkan satu perahan lemon dan sedikit madu asli. Kacau adunan ini hingga jadi sebatu.

Sapukan pada muka dan biarkan selama 30 minit. Basuh dengan air suam.

MASALAH RAMBUT

Rambut Gugur

Usap kulit kepala dengan limau, biarkan selama 15 minit kemudian kemudian basuh dan keringkan. Selepas itu sapu dengan minyak Habbatus Sauda'. Ulangi setiap hari.

Insyaa ALLAH rambut akan kembali tumbuh. Minyak Habbatus Sauda' juga boleh melebatkan janggut.

Melebat dan menyihatkan rambut

Ambil satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' setiap hari.

Pengambilan berterusan Habbatus Sauda' samada dalam bentuk minyak atau bijinya adalah bermenfaat sekali untuk kesihatan rambut. Iodine, potassium, riboflavin, B-Carotene, lysine, dan methionine yang terdapat dalam Habbatus Sauda' di ketahui dapat menolong dalam masalah rambut gugur, kesihatan dan pertumbuhan rambut.

Untuk rambut yang kusut dan bermasalah, boleh juga dicampur beberapa titis minyak Habbatus Sauda' ke dalam shampoo pilihan anda untuk merawat rambut. Lebih banyak campuran minyak Habbatus Sauda' adalah lebih baik.

MASALAH MATA

Mata berair

Jika disedut melalui hidung akan bermenfaat menghentikan air yang keluar pada mata. Boleh juga disapu pada kelopak mata atau sekeliling mata.

Sakit mata

Sapukan Minyak Habbatus Sauda' kepada kelopak mata atau di sekeliling mata. Jangan sapu ke dalam biji mata.

Ada juga masalah-masalah mata yang disebabkan oleh alahan kepada allergen seperti debunga atau bahan-bahan kimia. Kesan daripada alahan ini menyebabkan mata berair, merah atau gatal-gatal. Oleh sebab itu ada baiknya Habbatus Sauda' diambil atau dimakan sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ sudu teh sehari, berterusan untuk mengurangkan kesan-kesan alahan ini dan menawar masalah mata.

SAKIT SENDI, TULANG DAN OTOT

Sakit Pinggang dan sakit otot-otot yang lain

Sapukan kuat minyak Habbatus Sauda' yang telah disuamkan. Minum sesudu minyak Sauda' 3 kali sehari. Akan sembuh dalam beberapa minggu, Insha 'Allah.

Sakit Pinggang, Arthritis, dan Rheumatism

Panaskan sedikit minyak Habbatus Sauda' dan urut/gosokkan kuat-kuat.

Minum 1 sudu teh minyak Habbatus Sauda' dengan 1 sudu teh minyak zaitun 3 kali sehari.

Kaki letih/ otot lesu

Urut kawasan berkenaan dengan minyak Habbatus Sauda' atau campurkan minyak Habbatus Sauda dengan minyak yang digunakan untuk mengurut.

SAKIT KEPALA

Sakit Kepala

Sapu di dahi dan tepi kepala (pelipis) dengan minyak Habbatus Sauda' dan balut kepala. Juga minum satu sudu teh (5ml) minyak Habbatus Sauda' sebelum sarapan pagi.

Angin, rasa loya, lenguh badan dan sakit kepala

Biji Habbatus Sauda' ditumbuk dan direbus, airnya diminum. Ia juga dapat menurunkan suhu badan ketika demam, menyembuhkan luka-luka termasuk di bahagian usus, merawat batu karang dan kencing manis.

DARAH TINGGI /HYPERTENSION

1. Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' dan ambil dua biji bawang putih setiap pagi sebelum sarapan pagi.

2. Sapu badan dengan minyak Habbatus Sauda' dan dedahkan kepada cahaya matahari pagi selama $\frac{1}{2}$ jam setiap 3 hari.

Habbatus Sauda' adalah ubat tradisi masyarakat Arab untuk merawat tekanan darah tinggi.

Masalah darah tinggi ini berpunca dari penyakit-penyakit seperti arteriosclerosis di mana salur darah menjadi bertambah sempit akibat pengumpulan plague pada dinding salur darah.

Apabila laluan darah menjadi makin sempit sedangkan jantung sentiasa mengepam darah untuk dibekalkan ke seluruh badan maka berlakulah kenaikan dalam tekanan darah. Keadaan ini dipanggil hypertension atau darah tinggi.

Risiko utama jangka panjang penyakit darah tinggi ini ialah jantung rosak sakit jantung akibat mengepam darah dengan lebih kuat untuk melepasi salur darah yang sempit. Jantung akan jadi bengkak terutamanya ventricle kiri. Risiko utama yang lain pula ialah kerosakan buah pinggang akibat tekanan darah yang tinggi.

Buah pinggang (ginjal [bahasa melayu] kidney [bahasa inggeris] - renal [bahasa perubatan]) adalah organ yang mencuci darah dan membuang bahan beracun dalam badan. Tekanan darah yang tinggi dalam jangka yang lama menyebabkan ia rosak (renal failure) dan akhirnya gagal berfungsi.

Habbatus Sauda' bersifat hypotensive dan diuretic (Agen yang merangsang pengeluaran air kencing - berfungsi mengeluarkan air dalam badan melalui air kencing). Adalah dipercayai kesan diuretic ini boleh mengurangkan tekanan darah tinggi.

TEKANAN DARAH TINGGI YANG LAMA BOLEH MENYEBABKAN KEROSAKAN BUAH PINGGANG

SISTEM PENAFASAN

Batuk dan Lelah/COUGH & ASTHMA

1. Sapu dada dengan minyak Habbatus Sauda', minum satu sudu minyak Habbatus Sauda' pada waktu pagi, petang dan malam.
2. Campurkan Minyak Sauda' dengan air panas wap nya dihidu melalui hidung.
3. Sebagai alternatif boleh juga di ambil kapsul minyak Habbatus Sauda' dengan kadar 3 kali sehari.

Salah satu penemuan terawal dalam kajian saintifik ialah keberkesanan Habbatu Sauda' dalam merawat masalah-masalah yang disebabkan oleh alahan seperti asthma. Antara penyebab penyakit lelah atau asthma ialah kerana tindak balas alahan badan kepada bahan-bahan tertentu (allergen).

Bahan-bahan ini terdapat di sekitar ruang kehidupan seharian seperti contohnya: bulu kucing, debunga yang halus, spora, pollen atau bahan-bahan kimia yang tak dikenali.

Tindak balas terhadap allergen ini menyebabkan salur nafas dalam paru-paru (bronchus, bronchiole) bengkak dan menyempitkan laluan pernafasan.

Apabila laluan pernafasan sempit dan udara kurang masuk, maka gasping (tercungap-cungap) kerana paru-paru memerlukan udara untuk bekalan oksigen.

Salah satu sifat Habbatus Sauda' ialah bronchodilator iaitu meluaskan salur nafas (bronchus) supaya lebih banyak udara boleh masuk dan melegakan pernafasan. Lelah yang disebabkan oleh alahan ini dipanggil Bronchiole Asthma.

Lelah yang disebabkan oleh masalah jantung dipanggil Cardiac Asthma kadangkala dalam masyarakat melayu dipanggil semput.

KENCING MANIS / DIABETES

Kencing Manis / DIABETES

1. Amalkan minum satu sudu teh (5ml) minyak Habbatus Sauda' sebelum sarapan pagi.
2. Campurkan satu cawan biji water cress (*Nasturtium microphyllum*) dengan secawan Habbatus Sauda', setengah cawan kulit pomegranate, dan setengah cawan fumitory (*Fumaria officinalis*). Hancurkan sehingga jadi tepung, ambil setengah sudu campuran itu dengan satu sudu (5ml) minyak dara Habbatus Sauda' setiap pagi sebelum sarapan selama sebulan.

Peringatan:

Sebarang kaedah rawatan kencing manis hendaklah diselaraskan dengan nasihat doktor. Pengetahuan tentang penyakit ini amat penting dalam mengawalinya.

Habbatus Sauda'

1. Menolong mengurangkan rasa lesu dan lethargic pada pengidap kencing manis. Hidup akan menjadi lebih aktif dan bermaya.
2. Menolong mengurangkan tahap gula dalam darah. Ada kes-kes di mana pengambilan Habbatus Sauda' menyebabkan penurunan gula dalam darah dengan mendadak (hypoglycemia) tahap gula dalam darah yang rendah adalah amat merbahaya. Ia boleh menyebabkan pengsan dan fatality. Oleh sebab itulah pengambilan Habbatus Sauda' mestilah diselaraskan dengan rawatan konvensional.

Antara langkah yang mungkin perlu diambil ialah:

1. Jangan makan Habbatus Sauda' jika perut kosong
2. Mengurang atau menambah kuantiti pengambilan Habbatus Sauda' mengikut tahap gula dalam darah.

- Adalah penting untuk pengidap kencing manis untuk memantau tahap gula mereka di klinik atau hospital.
Alat-alat pembacaan tahap gula dalam darah boleh dibeli dengan harga yang berpatutan.
3. Mengikut nasihat doktor dalam pemakanan.
 4. Pengambilan Habbatus Sauda' juga boleh menolong mengurangkan kesan sampingan akibat kencing manis seperti kerosakan pada saraf hujung anggota badan (peripheral neuropathy), kerosakan kepada hati (liver), mata dan buah pinggang.
 5. Biasanya penyakit kencing manis akan diiringi oleh masalah-masalah kesihatan yang lain seperti tekanan darah tinggi, masalah jantung, dan sebagainya. Pengambilan Habbatus Sauda' dapat mengurangkan penderitaan pengidap penyakit ini.

Seorang yang mengidap diabetes tidak dapat menghasilkan hormon insulin yang cukup untuk menggunakannya dengan efektif, sehingga menyebabkan tahap gula (glucose) dalam darah menjadi tinggi. Dengan peredaran masa, ketidakseimbangan ini akan menyebabkan sakit jantung, kerosakan saraf, sakit ginjal, hilang penglihatan dan lain-lain komplikasi.

Ada dua jenis diabetes:

Type 1: diabetes bergantung dengan insulin yang biasanya terjadi sebelum umur 30 tahun.

Type 2: diabetes tidak bergantung kepada insulin yang menjadi 90% dari keseluruhan kes-kes diabetes biasanya muncul selepas umur 45 tahun.

Type 1 terjadi bila pankreas berhenti menghasilkan insulin.

Sebab-sebabnya tidak diketahui, berkemungkinan besar disebabkan oleh tindak balas auto-immun. Pengidap jenis ini mesti mengambil insulin sepanjang hidup mereka.

Jenis diabetes Type 2 terjadi apabila berlaku tentangan terhadap fungsi insulin. Pankreas mengeluarkan secukupnya insulin tetapi sel-sel badan tidak bertindakbalas kepadanya. Gemuk yang berlebihan adalah penyebab utama. Faktor genetik / keturunan juga memainkan peranan utama.

Habbatus Sauda' adalah herba yang efektif untuk menurunkan tahap gula dalam darah.

Selain dari itu seorang pengidap diabetes hendaklah:

Bersenam selalu, turunkan berat badan ia dapat menolong mengawal diabetes. Makan makanan yang kurang gula dan lebih banyak fibre atau serat.

SAKIT JANTUNG

Masalah Sakit Jantung/HEART DISEASE

Minum satu sudu teh (5ml) minyak dara Habbatus Sauda' sebelum sarapan pagi dengan minuman panas, berterusan.

Ia akan mencairkan lemak dan mengembangkan vena dan arteri.

MASALAH SEXUAL

Mati Pucuk/SEXUAL IMPOTENCY

Campurkan 50 ml Minyak Habbatus Sauda' dengan 50 ml Minyak Zaitun dan 200gm Madu asli. Ambil satu sudu campuran ini selepas makan. Amalkan Insha 'Allah.

Ketangkasan Zakar (male potency)

Urut dengan minyak Habbatus Sauda' atau campur dengan minyak zaitun selama seminggu..

Tenaga Batin

Minum satu sudu teh minyak Habbatus Sauda' satu jam sebelum hubungan kelamin. InsyaAllah gagah.

SELSEMA / INFLUENZA

Selsema dan Sejuk

Minum 1 sudu teh minyak Habbatus Sauda' 3 kali sehari dengan air limau panas yang dicampur dengan madu.

Para Sahabat radiallahu anhum ajmain dan para tabi'in merawat selsema dengan menggunakan Habbatus Sauda'. 21 biji Habbatus Sauda' dibungkus dengan sehelai kain perca dan direndam dalam air sehingga ke pagi. Keesokan harinya air rendaman tersebut dititiskan kedalam lubang hidung. Ibn Sina telah mengesyorkan perkara yang sama.

Ibnul Qayyim al-Jawzi berkata:

“Syuniz (Habbatus Sauda') menyembuhkan selsema apabila ia ditumbuk halus dan dibungkus dalam sehelai kain dan dicitum secara berterusan.”

GOUT

Gout (terlebih asid uric dalam badan)

Dr El-Dakhkhiny telah menjalankan satu kajian dalam tahun 1982 dan mendapati carbonyl dan thymoquinone dapat mengeluarkan asid uric yang berlebihan melalui air kencing tikus makmal. Sebagai usaha untuk meringankan penderitaan penyakit gout ini maka eloklah dilazimkan pengambilan Sauda' atau minyak Sauda' dara. Sebaik-baiknya dicampur dalam makanan harian.

SAKIT TELINGA

Sakit Telinga

Campurkan ½ sudu minyak Habbatus Sauda' dengan ½ sudu minyak zaitun, panaskan minyak itu dan titiskan ke dalam telinga, kemudian tutup telinga itu dengan kain bulu.

RESDUNG / SINUSITIS

1. Ambil 1 sudu teh setiap hari untuk kes kronik, atau 3 kali sehari untuk kes akut.

2. Mandi wap dan hidu wap dari air panas yang dicampur dengan minyak Habbatus Sauda'.
3. Tumbuk biji Habbatus Sauda', bungkus dengan kain. Hidu bungkusan ini berkali-kali secara berterusan. Kaedah ini juga baik untuk melegakan selsema dan melancarkan pernafasan.

Rawatan Dengan Batang Kain Habbatus Sauda'
(kain yang telah dicelup dalam minyak Habbatus Sauda')

1. Bakar pada hujung batang kain penawar resdung
2. Biarkan api menyala (api jangan padam)
3. Halakan hujung yang tidak terbakar pada tepi bawah Iubang hidung anda.
4. Bernafas ikut mulut perlahan-lahan / biarkan asap masuk kedalam Iubang hidung anda
5. Tadahkan kertas putih di bawah dagu anda.
6. Apabila batang kain menjadi pendek buanglah puntungnya
7. Ketuk atas Iuhang hidung berkali-kali sehingga hama atau kulat resdung jatuh ke atas kertas yang anda tadah tadi.
8. Bakar kesemua hama atau kulat resdung yang jatuh itu Anda akan lihat ianya bertukar menjadi darah.
9. Amalkan pada setiap malam dengan cara yang sama, sebatang pada lubang hidung kiri dan sebatang pada lubang hidung kanan sehingga kepada satu tahap dimana anda mendapati hama atau kulat resdung tidak jatuh lagi pada masa itu, maka masalah resdung anda telah pun selesai.

INSYA' ALLAH MUJARAB

HAIWAN TERNAKAN

Habbatus Sauda' juga sangat baik untuk merawat haiwan ternakan dan peliharaan yang sakit seperti kambing, lembu dan ayam.

Campurkan Hampas Habbatus Sauda' (Habatus Sauda' yang telah diperah minyaknya) ke dalam makanan haiwan ternakan. Campuran tersebut ialah pada kadar 200gm hampas Habbatus Sauda' untuk 1 Kg makanan haiwan ternakan. Campuran ini diberi dalam 3 hari sekali, mengikut keperluan dan kesembuhan.

KUSTA / LEPROSY

Menghilangkan Kusta (leprosy).
Istiqamah mengambil Habbatus Sauda'

VITILIGO & LEPROSY (kusta)

Sapukan kawasan yang terkena dengan Cuka Epal dan kemudian dengan Minyak Habbatus Sauda' dara.

LAIN-LAIN MASALAH

Bisul/abscess

Kisarkan bijian Sauda' sehingga hancur dan campurkan sedikit tepung. Letak di kawasan bisul. Atau sapu minyak HabbatusSauda' di kawasan bisul.

MENINGITIS(jangkitan kepada meninges tulang belakang)

Sedut/hidu wap minyak Habbatus Sauda' dan minum 2 sudu the Minyak Habbatus Sauda' dicampur dengan jus limau waktu pagi dan petang.

Radang di celah peha dan peha / INFLAMMATION OF THIGHS AND GROIN

Basuh kawasan yang terkena radang bersih dengan sabun lembut dan air. Keringkan dan sapu dengan minyak Habbatus Sauda', biarkan sehingga pagi berikutnya.

Lumpuh

Jika dihirup akan bermanfaat bagi hemiplegia (semiparalysis /lumpuh separuh). Begitu juga digalakkan ambil berterusan sekurang-kurangnya ½ sudu teh minyak Habbatus Sauda'.

Umur yang lanjut (Geriatric)

Bagus dilazimkan untuk ibubapa kita yang sudah lanjut umur, sebagai makanan kesihatan yang baik.

Mandul (infertility)

Bagus dilazimkan samada punca dari lelaki atau perempuan.

Dr. peter Schleicher menyatakan bahawa bahan-bahan dalam Habbatus sauda boleh menolong menghilangkan kemandulan terutama bagi perempuan.

TESTIMONI

Kes-kes keberkesanan Habbatus Sauda' sebagai penawar berbagai jenis penyakit adalah sangat banyak sekali - ini termasuklah testimoni dan pengakuan dari seluruh dunia, terutama dari Eropah dan Amerika. Dalam bab-bab sebelum ini telah pun dibentangkan fakta-fakta yang menakjubkan mengenai Habbatus Sauda'. Penulis telah berpengalaman hampir 10 tahun dalam mengendalikan produk berasaskan Habbatus Sauda' dan menjadi consultant untuk pembangunan produk berasaskan Habbatus Sauda'. Dalam tempoh itu terlalu banyak pengakuan-pengakuan yang diterima oleh pengguna-pengguna dan pengamal Habbatus Sauda'. Buku ini tidak dapat memuatkan semua testimoni tersebut - memadailah senarai testimoni berikut yang dikumpulkan oleh seorang pengedar Minyak Habbatus Sauda' yang baru sahaja menjalankan pemasarannya.

- 1) An'Nahari Bin Sarif (013-2416602)
K. Kubu Bharu,H.Selangor.

Masalah :

Keguguran rambut , tekanan darah rendah.

Alhamdulillah setelah mengamalkan H-Sauda' selama 6 bulan, segala masalah telah dapat diatasi.

Masalah : Gastrik

Setiap waktu sahur saya akan makan 3-5 titis minyak H-Sauda', perut tidak terasa pedih.

Masalah :

Pada suatu malam van saya terlanggar burung sehingga lampu van pecah keluar darah dari hidung & mulutnya. Setelah diberi minum 5-10 titis H-Sauda' keesokan harinya burung tersebut terbang.

Masalah :

Anak-anak mudah demam apabila terkena angin hujan @ bermusafir. Alhamdulillah, kami sekeluarga amat bershukur kerana anak-anak sentiasa ceria walaupun kerap berjalan jauh (bermusafir).

Khasiat :

Saya tidak lagi mengalami sengal-sengal badan seperti hari-hari yang lalu.

Alhamdulillah.

Produk : Kopi & Minyak

- 2) En. Izwan & Pn. Mai (013-2377347)

Putrajaya, K.Lumpur

Masalah : Resdung

Dulu kami mengalami resdung yang sangat membimbangkan. Alhamdulillah, setelah kami mencuba produk H-Sawda (minyak) kini kami sangat selesa. Syukur.

Produk : Minyak

- 3) Mohd. Adib Peg. Felda 0167797519

Johor Bharu, Johor.

Masalah :

Badan letih & Nafas terhalang (selsema) Badan terasa lebih cergas. Masalah hidung sumbat pun ada nampak Kekurangannya. Produk : Minyak

4) Abdul Latif Kamal wireman (013-2416602)

Sentol, Kuala Lumpur.

Masalah : Gout.

Alhamdulillah setelah mengamalkan H-Sauda', kini saya tiada masalah.

Produk : Minyak

5) Pn. Noraini - (017-2820665)

Kerling, Hulu Selangor

Masalah :

Batuk yang berlarutan. Alhamdulillah setelah mengamalkannya berserta sedikit madu sebagaimana yang telah dicadangkan oleh jiran saya, batuk anak saya semakin sembuh dalam masa 2 hari. Terima Kasih Cucu mengalami.

Produk : Minyak

6) En.Mohd Yusof Guru (013-3876587)

K. Kubu Bharu

Masalah :

Sakit dada yang serius.

Alhamdulillah setelah mengamalkan H-Sauda' selama beberapa minggu, sakit dada yang saya alami telah beransur-ansur pulih

Produk : Minyak

7) Pn. Noor BT - Guru (013-2265175)

Muar, Johor.

Masalah :

Kekurangan susu badan ketika anak berusia 2-4 bulan.

Alhamdulillah, susu badan bertambah setelah 2 minggu mengamalkan H-Sauda'.

Produk : Minyak

Masalah :

Alahan yang serius.

Dari 10 tahun yang lalu saya mudah terkena alahan sekalipun hanya memakan kuah ayam tetapi Alhamdulillah dengan berkat mengamalkan H-Sauda' kini saya boleh memakan ayam dan hidangan laut -“seafood“.

Produk : Kopi & Minyak

8) En.Ibrahim Takaful (012-6120873)

Batang Kali, Hulu Selangor

Masalah :

Migrain. Saya yakin dengan H-Sauda' sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW dan mengamalkannya. Alhamdulillah keberkesanan dirasa dalam 2 minggu. Kini saya sangat bahagia.

Migrain tiada lagi.

Produk : Minyak

9) En . Naim Pomen (0163176873)

Sentol, KL

Masalah:

Sengal-sengal badan

Saya kerap sengal-sengal badan tetapi Alhadulillah setelah 2 hari memakan H-Sauda' (6 titis/hari) saya telah merasai keberkesannya. Produk : Minyak

10) Ust.Abdul Muin- Agen Takaful (013-33900530)

Darul Quran, JAKIM, K. Kubu Bharu

Masalah : Resdung / selsema.

Saya mula mengalami resdung beberapa tahun yang lalu, namun saya belum mendapat penawar yang berkesan, sehinggalah saya iperkenalkan dengan HabbatusSauda' , Alhamdulillah, setelah saya mengamalkan dalam masa 2 3 hari secara berterusan, saya dapati resdung saya semakin berkurangan. Malah jika saya mengalami selsema , saya jadikan H-Sauda" sebagai penawarnya. Alhamdulillah hanya beberapa jam sahaja , saya dapati selsama saya tiada lagi. Terima kasih HabbatusSauda' memang terbukti berkesan.

11) En. Romzi (019-2180765)

Klang, Selangor DE

Masalah : Buasir

Saya telah lama mengalami penyakit buasir. Alhamdulillah setelah saya mengamalkan H-Sauda dengan campuran cuka dan air limau, kini buasir saya alami selama ini telah pulih. Produk : Minyak

12) Pn. Rahmatun-Guru (013-3446374)

Batang Kali, Hulu Selangor DE

Masalah :

Asthma (sesak nafas)

Beberapa orang dari ahli keluarga dan saudara mengidap Asthma (sesak nafas).

Alhamdulillah setelah menggunakan H-Sauda perubahan positif menggembirakan kami. Amalkanlah. Produk : Minyak

13) Mohd. Yatim (016-3762006)

Kerling, Hulu Selangor

Masalah :

Sengal-sengal badan Saya telah diperkenalkan minyak H-Sawda oleh jiran saya,Alhamdulillah,setelah saya gunakan mengikut aturan,sekarang dah sangat OK.

Produk : Minyak

14) En. Moin Mokhtar (012-3450535)

Batang Kali, H. Selangor.

Masalah :

Luka terkena pisau.

Darah berhenti dalam masa yang amat singkat setelah disapukan H- Sauda,

Produk : Minyak H-Sauda'.

Khasiat : Menambahkan tenaga apabila dimakan bersama madu. Insyaallah.

Produk : Kopi Habbatus-Sauda'.

15) En Tajuddin - Foreman (017-3272594)

Kerling, H. Selangor

Masalah:

Badan mudah letih. Setelah mengamalkan H-Sauda' kini saya lebih segar dan selesa melakukan kerja-kerja harian.

Produk : Kopi Habbatus-Sauda'.

16) Adik Mohd. Yusof

Kerling, H. Selangor.

Masalah :

Luka berkhatan.

Adik M. Yusof sering menyapukan sedikit minyak H-Sauda' pada bahagian luka. Namun setelah selang beberapa hari sahaja dia telah bermain seperti rakan-rakan yang lain.

Produk : Minyak

17) Ust. Nasir 019-4606293

Khasiat : Minyak H-Sauda" memang berkesan samada luar atau dalam terutama yang ada anak kecil. Dimulakan dengan selawat. Insya-Allah berkesan.

Produk : Minyak

18) En . Naim Foreman (016-3176873)

Sentol, KL

Masalah:

Sengal-sengal badan

Saya kerap sengal-sengal badan tetapi Alhadulillah setelah 2 hari memakan H-Sauda" (6 titis/hari) saya telah merasai keberkesanannya.

19) En. Mohd. Azizi- Warden Asrama (013-2473087)

K. Kubu Bharu H. Sel

Masalah :

Batuk.

Alhamdulillah, apabila batuk berterusan saya dapatkan H-

Sauda'. Hanya dengan 3 titis, batuk pun berhenti.

Produk : Minyak

20) Adik Norshafikah
Ulu Yam Bharu,H.Selangor.

Masalah :

Pesakit SLE (Systemic Lupur Erythomatosi - alah dengan cahaya matahari).

Alhamdulillah setelah mengamalkan H-Sauda' selama beberapa bulan, bisa-bisa badan yang selalu saya alami kini telah beransur pulih.

Produk : Minyak

* Selamat Menjalani Kehidupan Yang Sihat *